



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN SEBUT HARGA (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Penyebut Harga perseorangan / Sayarikat **Bumiputera** yang layak menyertai sebut harga berikut:

CADANGAN JUALAN SEBUAH VAN KIA PREGIO TERPAKAI (WRY 7415) DI MARA-JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE BERANANG, SELANGOR

NO. SEBUTHARGA	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
MJII/365/2022/01	25/01/2022 hingga 31/01/2022	25/01/2022-31/01/2022 MASA : 10.00 pagi – 12.30 tengahari TEMPAT LETAK KENDERAAN MJII BERANANG	RM5.00	08/02/2022 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
- Kad Pengenalan
 - Lesen memandu
- Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa mengambil dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (9.00 pagi – 3.00 petang) di MARA-Japan Industrial Institute, Lot 2333 Jalan Kajang Seremban, 43700 Beranang Selangor. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
4. Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara BANK DRAF / WANG POS atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) Penyebut Harga hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. Penyebut Harga yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebut harga. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat tersebut.
6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Penjualan Kenderaan Terpakai MARA menjadi tanggungjawab Penyebut Harga.
7. **MARA** tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **bermeterai** dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

PENGARAH
MARA-Japan Industrial Institute Beranang
Lot 2333, Jalan Kajang - Seremban, Beranang, Selangor


HJH ZARINAH BT IDRUS
Pengerah
MARA-Japan Industrial Institute
Beranang

Sebelum atau pada tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima dan tidak akan dipertimbangkan dan pihak MJII Beranang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.



MAJLIS AMANAH RAKYAT

No. Sebutharga: MJII/365/2022/01

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH MARA**

Pusat: MARA-JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE BERANANG

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

2.

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Sebut harga	Tempoh Iklan
1.	VAN KIA PREGIO	1	RM 5,300.00	RM 265.00	25/01/2022 hingga 31/01/2022

3. Aset boleh dilihat pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :
 - 3.1 25/01/2022 - 31/01/2022
 - 3.2 10.00 pagi – 12.30 tengahari
 - 3.3 Tempat letak kenderaan, MARA-Japan Industrial Institute Beranang, Selangor.
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut harga Pelupusan Aset Kerajaan (MARA.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga **MJII/365/2022/01** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat: -

**MARA-JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE
Lot 2333 Jalan Kajang Seremban
43700 Beranang, Selangor**

6. Tarikh tutup sebut harga pada **08 Februari 2022** jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Pegawai Mengawal Pusat)

Tarikh:
Cop:

24 JAN 2022
HJH ZARNAH BT IDRUS
Pegawai
MARA-Japan Industrial Institute
Beranang